

PP 10548/8/2008

Prihatin

Berita SPANCO Jilid 4 2007

*Sistem **Perisian** Diganti Susulan Kajian **Semula***



SPANCO
PENGURUSAN FLEET PROFESIONAL

ISSN 1675-1361



9 771675 136103

Servis Bermutu Prestasi Terunggul

Pusat Servis Wilayah di Batu Caves menepati piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan oleh SPANCO. Ia memiliki peralatan baik pulih automotif terkini yang dikendalikan oleh pakar yang berpengalaman, antaranya:



■ PENGANALISIS ENJIN BERKOMPUTER

Untuk menganalisis prestasi sistem pembakaran dan bahan api kenderaan.



■ PENGUJI DIAGNOSTIK BERKOMPUTER MUDAH ALIH

Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.



■ ALAT PAM MINYAK ENJIN PNEUMATIK & PENGUMPUL SISA

Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak.



■ DISPENSER MINYAK ENJIN

Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin tanpa tumpahan.



■ ALAT PENJAJARAN RODA BERKOMPUTER

Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng.



■ PENGUJI BREK BERKOMPUTER

Menguji brek tanpa perlu memandu di atas jalan (*on the road test*).



■ PENGECAS GAS PENDINGIN UDARA AUTOMATIK

Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



■ PAM AIR BERTEKANAN TINGGI

Untuk pencucian bahagian enjin dan badan kenderaan yang lebih bersih dan cepat.

■ RUANG ISTIRAHAT BERHAWA DINGIN

Dilengkapi televisyen berskrin lebar dan dispenser minuman layan diri. Sementara kereta diservis atau dibaiki, pelanggan boleh menunggu sambil menikmati minuman ringan, bahan bacaan dan siaran ASTRO yang disediakan.

Untuk temu janji, sila hubungi talian

BEBAS TOL: 1-800-88-6999

Prihatin

BERITA SPANCO



PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Mubarak Ali Gulam Rasul

Peter Lim

Zulkifli Abd. Aziz

Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua

Batu Complex

51100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6253 2888

Faks : 03-6253 0623

emel : prihatin@spanco.com.my

Laman web : www.spanco.com.my

PENCETAK

Percetakan Lai Sdn Bhd

No. 1, Persiaran 2/118C

Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak

Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-9173 1111

Fax : 03-9173 1969

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Kami bersedia menerima sebarang bentuk sumbangan karya untuk dipaparkan di dalam majalah PRIHATIN-Berita SPANCO.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon penulis. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Jilid 4, 2007 Oktober – Disember

kandungan



6

PERUTUSAN

- 4 Menangani Cabaran Dan Tekanan Pada 2008


KORPORAT

- 5 Selamat Datang Kepada Dua Muka Baru
- 6 Kos Pembaikan Tertinggi Dalam Empat Tahun



17

- 7 Peralatan Tidak Lengkap Antara Masalah Semasa Kereta Dipulangkan
- 8 Pusat Sehenti Gabungkan Teknologi Dan Ciri Estetik
- 11 Sistem Atap Dan Salutan Keluli 'Bemo' Untuk Pusat Servis Wilayah



KHABAR PRIHATIN

- 12 Liputan Bergambar Bersama Pelanggan

KORPORAT

- 14 Sistem Perisian Diganti Susulan Kajian Semula
- 16 Jabatan Teknikal Kumpulkan 50 Tahun Pengalaman



23

PENJAGAAN KERETA

- 18 Cuci Kereta Anda Seperti Seorang 'Pro'

KESELAMATAN

- 20 Memahami Tolok Papan Pemuka Kereta
- 22 Jenis Dan Faedah Kad Petrol
- 23 Mengesan Pemandu Mabuk

Menangani Cabaran dan Tekanan Pada 2008

Salam Sejahtera,

TAHUN 2008 bakal memberikan beberapa cabaran dan tekanan yang pastinya menuntut persediaan yang lebih rapi daripada setiap warga SPANCO.

Terdapat dua perkara pokok yang membabitkan kepentingan pelanggan yang mesti terus diperbaiki dan dipertingkatkan oleh rakan sekerja semua.

Pertama adalah dalam memperkemas tahap perkhidmatan pembekalan kereta. Kami akan meneruskan usaha menerokai kaedah-kaedah baru di dalam industri fleet bagi tujuan itu.

Azam kami ialah untuk mempercepat lagi tempoh penyerahan kereta kepada pelanggan dalam masa dua minggu setelah menerima pesanan daripada Kementerian.

Kedua, SPANCO juga bertekad untuk terus membangunkan perkhidmatan, terutamanya dengan mempercepat lagi tempoh kereta siap dibaiki di pusat servis utama kami di Batu Caves dan Bangi.

Mengenai tekanan pula, perkembangan terbaru yang melibatkan PROTON turut memberi kesan kepada SPANCO. Ia berkaitan model-model baru yang bakal dikilangkan yang mendapat liputan meluas oleh media.

...kenaikan harga petrol yang bakal berlaku turut memberi tekanan bukan sahaja dalam mengekalkan tahap kualiti tetapi juga menguruskan kos supaya terkawal.

Dalam menghadapi isu itu, SPANCO perlu mencapai keseimbangan di dalam perniagaannya dan pada masa yang sama memenuhi permintaan pelanggan.

Tekanan yang dimaksudkan adalah untuk membekalkan model-model baru PROTON dengan kadar segera kepada kementerian ataupun jabatan yang memohon.

Manakala kenaikan harga petrol yang bakal berlaku turut memberi tekanan bukan sahaja dalam mengekalkan tahap kualiti tetapi juga menguruskan kos supaya terkawal.

Kenaikan kos bahan api memberi kesan kepada operasi lebih-lebih lagi kerana caj penyenggaraan

bulanan yang dikenakan setiap kereta adalah tetap untuk sepanjang tempoh pajakan. Bermakna tekanan kos terletak di bahu penyedia fleet dan bukannya pelanggan.

Sementara itu kami juga akan memperbaharui komitmen yang dibuat sebelum ini untuk terus menambah pelaburan di dalam melatih dan merekrut kakitangan yang berkeelayakan.

Dalam erti kata lain memperkuatkan pengalaman kami dari sumber dalam dan luar bagi mengukuhkan fleet supaya perkhidmatan kepada pelanggan dapat terus dimajukan.

Dari sudut pelaburan teknologi pula, kami baru sahaja melaksanakan sistem perisian teknologi maklumat yang baru yang lebih menumpu kepada perkhidmatan. Kami berharap dapat terus memajukanya melalui pembekal sistem kami bagi memperbaiki kawalan terhadap pengurusan fleet.

Akhir kata, semoga segala impian dan matlamat tercapai dan tahun 2008 membawa kejayaan yang lebih besar serta bermakna buat kita semua.

Sekian. Selamat Tahun Baru.



Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

Selamat Datang Kepada Dua Muka Baru

PENGURUSAN Fleet Professional SPANCO Sdn Bhd mengalu-alukan penyertaan dua rakan sekera yang baru dalam pasukan pengurusannya. Mereka ialah:



Suradi Haji Sulaiman
Pengurus, Khidmat Pelanggan

Suradi menyertai SPANCO pada 1 Oktober 2007 selepas menimba 12 tahun pengalaman dalam sektor perbankan dan kewangan antaranya di Affin Finance Berhad selain Interfinance Berhad (kini RHB Delta Finance) sebagai Ketua Jabatan Kredit dan Pembangunan Perniagaan, Kuala Lumpur.

Beliau juga memiliki tiga tahun pengalaman dalam bidang pembuat sebagai Pengurus Kewangan dan Pentadbiran bersama Musa & Rahman Plastic Industries Sdn Bhd. Menceburi sektor perkhidmatan pada 2005, Suradi merupakan Ketua Jabatan Operasi Kawalan dan Audit bersama Alam Flora Sdn Bhd bagi

Kawasan Perkhidmatan Kuala Lumpur (KLSA).

Di KLSA, beliau mengurus operasi harian untuk aktiviti pengutipan dan pembersihan selain berurusan dengan Jabatan Kawalan Pembersihan Bandar DBKL (JKPB). Dalam tugas yang terakhir, beliau berjaya meningkatkan prestasi Bahagian Pengurusan Fleet.

Suradi memiliki BA. (Hons) dalam Perakaunan dari University of Bolton, UK dan diploma dalam Pengajian Perbankan dari UiTM.



Md. Latif Ismail
Pengurus Woksyop

Latif menyertai SPANCO pada 1 November 2007 dan memikul tanggungjawab menguruskan woksyop. Buat masa ini beliau ditempatkan di Pusat Servis Wilayah – Batu Caves.

Memiliki 12 tahun pengalaman dalam bidang automotif, Latif memulakan kerjaya di Jabatan Kejuruteraan Enjin dan Transmisi PROTON

pada 1995 sejeurus tamat pengajian. Antara peranan penting yang dipikul ialah sebagai ketua projek bagi pengeluaran enjin yang dilengkapi sistem pengurusan enjin baru (1999–2001) dan ketua projek dalam membangunkan sistem pembekalan untuk alat ganti (1997–1999).

Latif juga berpengalaman menguruskan pusat servis yang menyenggara kereta-kereta mewah. Beliau bertindak sebagai Penolong Pengurus Servis bagi NZ Wheels Sdn Bhd iaitu sebuah pengedar sah Mercedes-Benz dan pernah diamanahkan untuk menguruskan pembukaan pusat servis Autohaus yang baru di Johor Bahru.

Latif memiliki kelayakan dalam bidang Kejuruteraan Kimia dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari University of Leeds, UK dan diploma dari UTM.

Untuk makluman:

Pengurus Woksyop Cawangan Bangi, **Asok Kumar Krishnasamy** akan bersara pada penghujung Januari 2008. Tempat beliau akan diambil alih oleh **Mohd Wazir Ahmad Kassim**, yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Penolong Pengurus Woksyop Batu Caves.

Kos Pembaikan **Tertinggi** Dalam Empat Tahun

JUMLAH kos pembaikan dan purata membaiki setiap kemalangan untuk Fleet Kerajaan Persekutuan meningkat bagi 10 bulan pertama tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Sebanyak RM5.7 juta dibelanjakan untuk membaiki kemalangan dari Januari-Oktober 2007 berbanding RM5.2 juta pada 2006.

Manakala purata RM3,810 dibelanjakan bagi setiap kes kemalangan pada 2007 berbanding RM3,213 pada 2006.

Angka-angka kemalangan itu adalah paling tinggi jika dibandingkan perangkaan sejak 2004.

Bagaimanapun kemalangan yang menimpa fleet bagi tempoh itu menurun kepada 1,490 kes (2007) dari 1,616 kes (2006).


Sementara itu bilangan kenderaan di bawah Fleet Kerajaan Persekutuan yang diselia oleh SPANCO kini berjumlah 5,816 buah, meningkat dari 5,482 pada Oktober tahun lepas.

Perangkaan bagi 10 bulan pertama 2007 yang mesti diberi perhatian dan diambil tindakan susulan oleh pihak kementerian dan jabatan adalah:

- Jumlah kos pembaikan kemalangan dari Januari – Oktober adalah RM5.7 juta.
- Sebanyak 1,490 kemalangan menimpa fleet bagi tempoh yang sama.
- Purata kos membaiki setiap kemalangan itu adalah RM3,810.
- Sebanyak 894 kes 'Kemalangan sendiri' direkodkan yang menelan kos pembaikan sebanyak RM1.6 juta.
- Jumlah kecurian adalah 6 buah di mana 5 daripadanya model Perdana dan sebuah model Waja.
- Sejumlah 12,301 saman diterima.
- Setiap kereta di dalam fleet Kerajaan Persekutuan melakukan purata 2 kesalahan lalu lintas antara Januari hingga Oktober.

Dalam pada itu sebanyak 50,618 saman masih belum diselesaikan oleh 38 kementerian dan jabatan setakat Oktober 2007.

Perbandingan Perangkaan Sepuluh Bulan Pertama (2004-2007)



RANAP... Beginilah keadaan kereta yang musnah setelah terlibat di dalam kemalangan yang membabitkan lima kenderaan pada awal November lalu.

Peralatan **Tidak Lengkap** Antara **Masalah** Semasa Kereta Dipulangkan

AKSESORI yang tidak lengkap adalah antara masalah yang kerap berlaku semasa pelanggan memulangkan kereta yang tamat pajakan, demikian diakui Eksekutif Pembekalan, Shahrizan Zainul Abidin, 35 tahun.

Menurut beliau, masalah itu boleh mengganggu kelancaran urusan penyerahan kereta baru bagi program penggantian.

Beberapa ketidaksempurnaan pada kereta yang dipulangkan kepada SPANCO adalah seperti:

- Aksesori tidak lengkap - segi tiga keselamatan, pencucuh api rokok dan peralatan tul kerap didapati hilang.
- Tayar tidak sama - tayar atau rim didapati berlainan saiz dan jenama atau bukan seperti yang dibekalkan.
- Badan kemik - kereta mengalami kemalangan tetapi tidak dilaporkan.

Susulan itu, Shahrizan meminta kerjasama pelanggan supaya memulangkan kereta yang tamat pajakan dan segala peralatan di dalamnya seperti dalam keadaan yang asal.

Kelengkapan seperti peralatan tul, kunci pendua, kerusi, tayar, rim dan lain-lain lagi ada direkodkan di dalam senarai semak penyerahan yang disimpan oleh pelanggan.

Bagaimanapun peralatan yang mempunyai tarikh lupus seperti pemadam api dan kotak kecemasan tidak

“Pihak kami tiada pilihan melainkan terpaksa meminta ganti rugi jika mendapati keadaan kereta tidak seperti yang tertera di dalam rekod kami.”

perlu dipulangkan.

Bagi kes kemalangan yang tidak dimaklumkan, pelanggan dikehendaki membuat laporan polis supaya tuntutan insurans boleh dilakukan.

“Pihak kami tiada pilihan melainkan terpaksa meminta ganti rugi jika mendapati keadaan kereta tidak seperti yang tertera di dalam rekod kami,” katanya.

Proses Penyerahan

Menurut Shahrizan, Pentadbiran Fleet memproses dan menyerahkan purata 60 kereta baru dalam sebulan.

Secara ringkas, sebaik menerima cukai jalan untuk sesebuah kereta baru, Bahagian Pembekalan akan merekodkannya ke dalam sistem.

Maklumat yang dimasukkan adalah seperti nombor dan tarikh pendaftaran, tarikh lupus cukai jalan dan tarikh kereta sedia untuk diserahkan.

Salinan geran cukai jalan dan

borang pesanan kemudiannya akan diserahkan kepada Bahagian Hubungan Pelanggan untuk tindakan lanjut.

Seterusnya eksekutif akaun akan memaklumkan kepada kementerian atau jabatan berkenaan bila kereta baru itu boleh diambil.

Manakala sistem secara automatik akan mencetak senarai kereta-kereta yang bakal diserahkan sebaik sahaja tarikh sebenar penyerahan kereta dikenal pasti.

Berpandukan senarai itu, rakan sekerja akan melakukan tugas-tugas persediaan seperti mencuci dan memastikan setiap kereta berada di dalam keadaan sempurna.

Menurut kerani, Mohd Asri Ahmad Zainuddin, 25 tahun, antara ketidaksempurnaan pada kereta baru yang dikesan sebaik sebelum penyerahan adalah kerusi yang rosak dan radio yang tidak berfungsi.

Kadangkala kerosakan seperti kesan terbakar pada kerusi tidak dikesan di peringkat

pemeriksaan pra-penyerahan (PDI) kerana dibalut dengan plastik.

Apa pun, sebarang kerosakan atau kecacatan akan dibaiki sebelum

kereta baru tersebut diser-

ahkan kepada pelanggan.

Asri memohon supaya pelanggan bersabar menunggu giliran masing-masing semasa mengambil kereta kerana layanan adalah berdasarkan *first-come-first-served*.



Pusat Servis Wilayah – Batu Caves:

Pusat Sehenti Gabungkan Teknologi dan Ciri Estetik

JIKA anda pertama kali melangkahkan kaki ke Pusat Servis Wilayah – Batu Caves, perhatian anda mungkin akan tertarik kepada tiga panel yang terdapat di bahagian hadapan bangunan itu.

Mungkin ramai tertanya-tanya apakah tujuan ia didirikan? Adakah pilon itu mempunyai fungsi selain hanya sebagai hiasan di pintu gerbang?

Sebenarnya tiga panel berwarna perak bertujuan sebagai melambangkan identiti SPANCO Sdn Bhd, demikian menurut **Encik Chong Chin Lee** yang mengilhamkan konsep tersebut.

Encik Chong adalah arkitek yang bertanggungjawab terhadap reka bentuk pusat servis utama SPANCO. Konsep tiga panel itu akan digunakan untuk pembinaan pusat-pusat servis yang seterusnya pada masa hadapan.

Pelanggan akan dapat mengecam pusat servis SPANCO apabila melihat tanda pengenalan yang mudah dikenali itu, katanya yang mengambil masa enam bulan untuk menyiapkan pelan keseluruhan bangunan tersebut.

*...di sinilah nadi
operasi dan
pengurusan fleet
profesional berpusat
dan dikendalikan
setiap hari.*

TEGAK DAN KUKUH... Tiga panel yang tersergam indah di depan bangunan sebagai lambang identiti korporat SPANCO.

Pusat sehenti

Pembinaan sebuah pusat servis yang serba lengkap yang menggabungkan teknologi terkini dengan nilai-nilai estetik adalah sejajar komitmen SPANCO untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan Persekutuan.

Pusat Servis Wilayah – Batu Caves atau singkatannya, PSW Batu Caves dibina dengan kos pelaburan sebanyak RM10 juta dan mula beroperasi sepenuhnya pada 15 Julai 2005.

PSW Batu Caves bukan sekadar pusat servis tetapi sebenarnya merupakan sebuah pusat sehenti yang menyediakan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung.

Bertindak sebagai pangkalan operasi SPANCO, di sinilah nadi operasi dan pengurusan fleet profesional berpusat dan dikendalikan setiap hari.

Sejajar dengan peranan itu, PSW Batu Caves menempatkan pengurusan kanannya di sini. Mereka ialah Pengarah Eksekutif, Operasi dan Perkhidmatan Fleet, Encik Shahridzuan Abdullah dan Pengurus Besar, Operasi Servis, Encik Peter Lim.

Ketua Pegawai Eksekutif turut mempunyai pejabat di sini selain pejabat utama beliau di ibu pejabat di Jalan Ipoh.

Manakala bahagian-bahagian lain yang berpejabat di sini ialah pentadbiran fleet, khidmat pelanggan dan kawalan senggaraan.

Kaunter perkhidmatan

Menurut Encik Chong, bagi menjamin perkhidmatan yang memuaskan dan mesra pelanggan, kaunter perkhidmatan perlu menyediakan suasana yang selesa untuk mereka yang berurusan di PSW Batu Caves.

Untuk tujuan itu, kaunter diletakkan berhadapan bilik



SUASANA RUMAH... Bilik menunggu dilengkapi set televisyen berskrin lebar dan mesin pembuat kopi.



KONTEMPORARI... Bilik mesyuarat menggabungkan rekaan dalaman yang moden dan sofistikated.

menunggu supaya rakan sekerja boleh berhubung terus dengan pelanggan pada sepanjang masa.

Bagi mewujudkan suasana seperti di rumah pula, bilik menunggu dilengkapi set televisyen berskrin lebar dan lebar, mesin pembancuh kopi dan dispenser air.

Di samping itu, rekaan dalaman yang moden dan sofistikated boleh dilihat dalam ruang pejabat dengan adanya set sofa yang kontemporari di tempat menunggu.

“Penggunaan kaca yang banyak sebagai pintu dan pemisah membenarkan pemandangan yang jauh dan luas walaupun di ruang yang ter-

had,” kata Encik Chong.

Begitu pun ruang peribadi masih dapat dirasai dan dinikmati melalui penggunaan *Venetian blinds* atau tirai yang mudah digulung.

Encik Chong juga banyak menggunakan warna kelabu dan perak kerana kedua-duanya adalah warna berprestij dan mewah seperti yang dikehendaki oleh pengurusan SPANCO.

Warna *millennium* juga adalah warna semula jadi yang memberikan kemasan yang baik dan terkini sepanjang masa, jelas beliau lagi.

Artikel mengenai PSW Batu Caves ada disiarkan November lalu di

dalam *I.D. Design*, sebuah majalah rekaan dalaman antarabangsa yang sangat masyhur.

Pusat servis

PSW Batu Caves adalah mercu tanda SPANCO sebagai sebuah syarikat pengurusan fleet profesional yang ulung di Malaysia.

Menurut Jurutera Perunding, **Ir. Yue Chee Mun**, pusat servis itu memenuhi spesifikasi tertinggi yang ditetapkan SPANCO.

Sebagai wakil sah Proton Edar, pembinaannya juga mengambil kira keperluan pengeluar kenderaan nasional itu, kata beliau yang memiliki pengalaman bekerja sejak 1980.

Menurut Ir. Yue lagi, lantai ruang servis yang kalis air dibina daripada gred konkrit bermutu tinggi

selain disalut dengan lapisan epoksi yang tahan lasak dan mampu mengurangkan penyerapan minyak ke dalam lantai.

Bumbung pusat servis pula direka bagi memudahkan pengudaraan manakala bahan diperbuat daripada penebat bagi persekitaran kerja yang nyaman lagi menjimatkan tenaga.

Peralatan

PSW Batu Caves dilengkapi pelbagai peralatan baik pulih automotif berteknologi tinggi dan berupaya mengendalikan 90 servis biasa dalam sehari.

Di samping penganalisis enjin dan penguji diagnostik mudah alih, peralatan lain yang memanfaatkan sistem berkomputer ialah mesin pengisi angin tayar digital, alat penjajaran

roda dan penguji brek.

Ini memastikan keputusan yang tepat lagi jitu yang diwajibkan untuk enjin dan kereta masa kini.

Malah PSW Batu Caves turut mengutamakan kebersihan dengan menggunakan antaranya mesin pam minyak enjin pneumatik dan pengumpul sisa serta dispenser minyak enjin.

Kedua-dua alat itu memastikan pengumpulan sisa dan penuangan minyak enjin tanpa tumpahan dan tanpa mencemarkan alam sekitar.

Sementara itu, semua tugas yang dilakukan di lantai pusat servis diselenggarakan melalui komputer yang dihubungkan kepada sistem teknologi maklumat dan komunikasi pusat.

Melalui sistem komputer berpusat itu, segala maklumat mengenai

Semua gambar adalah ihsan Design Base



SELESA... Penggunaan kaca yang banyak dan warna yang sesuai menimbulkan suasana persekitaran yang mesra lagi mudah untuk berurusan.

sesebuah kereta boleh diperoleh di hujung jari dan di bawah satu sistem maklumat bersepadu.

Pelanggan boleh mendapatkan maklumat itu di mana sahaja selagi mereka mempunyai akses terhadap Internet.

Dengan ruang servis yang luas, bersih dan selesa serta dilengkapi peralatan terkini, pelanggan-pelanggan SPANCO dijamin menikmati perkhidmatan yang cekap dan pantas lagi diyakini.

Lokasi

Dengan keluasan lima ekar yang turut menempatkan storan kereta, PSW Batu Caves menyediakan persekitaran yang selesa untuk segala urusan yang membabitkan pembekalan dan penyerahan kereta.

Pelanggan dan pengunjung disediakan dengan kemudahan kawasan letak kereta yang luas yang boleh menempatkan 150 buah kereta dalam satu-satu masa.

PSW Batu Caves juga dilengkapi empat lapisan keselamatan iaitu pertama di pintu masuk utama; kedua di pagar letak kereta; ketiga melalui sistem televisyen litar tutup, dan keempat oleh petugas keselamatan.

Terletak hanya 7-8km dari pusat bandar, PSW Batu Caves amat mudah dikunjungi dari semua arah kerana dihubungkan dengan beberapa lebuh raya utama seperti Lingkar Tengah II (MRR2), Lebuh raya Karak dan Jalan Kuching.

Selain itu pelanggan juga boleh datang melalui Lebuh raya Damansara-Puchong (LDP), lebuh raya PLUS, dan dari arah Ulu Klang.

Pelanggan yang ingin ke sana boleh mendapatkan bantuan arah melalui papan tanda pemberitahuan yang diletakkan di beberapa lokasi strategik di lebuh raya dan jalan raya.

Sistem Atap Dan Salutan Keluli 'Bemo' Untuk Pusat Servis Wilayah



TEKNOLOGI TINGGI... Bumbung 'Bemo' yang berteknologi Jerman.

Penebat dengan bumbung jek berventilasi membantu mengurangkan bunyi bising hujan dan haba dalam pejabat terutama di Pusat Servis untuk memberikan persekitaran kerja yang nyaman seterusnya menjimatkan tenaga untuk kesedaran alam sekitar.

- Pusat Servis & Pejabat SPANCO yang terletak di Batu Caves memiliki sistem atap kelim tegak dan salutan keluli 'Bemo' berteknologi Jerman.
- Keseluruhan binaan atap terdiri daripada panel kelim tegak 'Bemo' 65/400 menggunakan keluli pra-cat Clean COLORBOND® XRW berwarna kelabu yang dipasang pada pemegang aluminium tersorok. Ia lengkap dengan penutup rabung, kalis tiris dan tebang layar kalis tiris.
- Penebat ialah satu lapisan Vapour Barrier, satu lapisan Rockwool setebal 50mm dengan ketumpatan 32kg/m³ disokong oleh jaring dawai BRC 3315.
- 'Bemo' adalah satu sistem pasang siap yang sofistikated untuk panel kelim menegak yang mudah diproses dengan penyelesaian bagi hampir semua bentuk bangunan yang dibina.
- Panel boleh dihasilkan dalam sebarang ukuran, dengan lima jenis bahan yang berbeza iaitu keluli, keluli tahan karat, aluminium, tembaga dan zink-titanium serta tanpa memerlukan bolt yang menembusi kepingan atap.
- Penebat dengan bumbung jek berventilasi membantu mengurangkan bunyi bising hujan dan haba dalam pejabat terutama di Pusat Servis untuk memberikan persekitaran kerja yang nyaman seterusnya menjimatkan tenaga untuk kesedaran alam sekitar.

Liputan Bergambar Bersama Pelanggan

Majlis Sambutan Aidilfitri



SILAKAN... Pelanggan dari Markas Tentera Laut disambut mesra oleh rakan sekerja di PSW Batu Caves.



KETUPAT & LEMANG... Pelanggan dan tetamu sedang mengambil juadah hari raya yang dihidangkan.



TETAMU KHAS... Pelanggan, Datuk Syed Muhammad Syed Abdul Kadir (kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh.



SEGAK BERGAYA... Rakan sekerja semasa jamuan Aidilfitri di PSW Batu Caves pada 1 November 2007. Dari kiri: Mubarak, Latif, Syed, Fitrie, Azahari, Wazir, Hilmy dan Suradi.



DIRAIKAN... Pelanggan Sabah turut diraikan di Jamuan Aidilfitri yang diadakan di sebuah hotel di Kota Kinabalu pada 13 November.

Lawatan ke Pusat Servis



BEGINI... Pasukan Logistik PDRM sedang diberi taklimat oleh penasihat servis semasa melawat PSW Batu Caves pada September lalu.



CUBA LIHAT... Dato' Mahsuri Zainal, Pemangku Pengarah Jabatan Logistik PDRM mendengar penerangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif.

Taklimat di Sarawak



KHUSYUK... Kursus Pengurusan Kenderaan dan Pemanduan Berhemah yang dianjurkan oleh Bahagian Kawalan Filem, KHEDN di Kuching pada 31 Oktober.



SERIOUS... Pengurus Pentadbiran Fleet, Zulkifli Abd Aziz sedang menyampaikan ceramah mengenai SPANCO.

Sistem **Perisian** Diganti Susulan **Kajian** Semula

RM1.5 juta dibelanjakan untuk sistem baru

MEMPERBAIKI tahap operasi dan mencari jalan penyelesaian yang lebih baik adalah antara matlamat SPANCO apabila memutuskan untuk mengganti sistem maklumat pengu-
rusan sedia ada.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh, beliau secara peribadi tidak berpuas hati dengan cara pelaksanaan tugas di syarikat pengurusan fleet itu sebelum ini.

"Lalu saya bertanya: Adakah cara yang lebih baik untuk menguruskan perniagaan ini?" kata beliau menceritakan bagaimana projek pencarian sistem perisian yang baru dicetuskan.

Sistem terdahulu yang digunakan sejak 1994 didapati tidak berupaya menampung saiz fleet yang meningkat berlipat kali ganda dan tidak dapat menyokong keperluan SPANCO yang proaktif dalam menyediakan perkhidmatan.

"Justeru proses operasi SPANCO secara keseluruhannya dikaji semula selaras dengan amalan industri yang terbaik di peringkat antarabangsa," kata Dato' Hamzah lagi.

Bertolak dari itu, maka sebuah pasukan projek yang terdiri daripada pengurusan kanan ditubuhkan untuk mengkaji dan mengenal pasti

sistem dan perisian yang terdapat di pasaran.

Hasilnya, sistem perisian pengurusan fleet yang baru berjaya dilaksanakan secara percubaan pada Disember 2006 dan mula beroperasi sepenuhnya pada Mei 2007.

Menelan belanja RM1.5 juta, sistem fleet kini lebih berpusat dan memiliki pencapaian teknologi tertinggi.

Latar belakang pencarian

Selain Dato' Hamzah, pengurusan kanan lain yang dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti sistem perisian yang baru ialah:

- Pengawal Kewangan Kumpulan, Encik Ng Wai Thong
- Pengarah Eksekutif – Operasi dan Servis, Encik Shahriduan Abdullah
- Pengurus – Sistem Pengurusan Maklumat, Encik Tan Fong Liang

Memandangkan Australia dan United Kingdom merupakan peneraju industri fleet, maka pasukan projek memutuskan untuk merisik beberapa perisian yang terdapat di sana.

Kedua-dua negara itu mengamalkan penggunaan pihak ketiga, atau lebih tepat lagi, penyumberan luar secara

meluas dalam pengurusan fleet.

Setelah penilaian awal, sebanyak tiga perisian dari UK dan tiga dari Australia dipilih serta disenaraikan sebagai berpotensi untuk menggantikan sistem yang ada.

Kriteria pemilihan

Pasukan Projek menetapkan beberapa ciri ketat yang mematuhi piawaian tertinggi terhadap perisian baru yang bakal dipilih iaitu:

- ia mestilah sebuah penyelesaian teknologi maklumat (IT).
- boleh disesuaikan untuk keperluan atau model perniagaan yang baru pada masa hadapan.
- pembekal menawarkan pengalaman seperti kepakaran dalam industri pengurusan fleet dan memperbaiki proses.
- mempunyai rekod yang cemerlang.

Pasukan Pengurusan telah mengunjungi kesemua vendor bagi menilai sendiri sistem perisian fleet yang ditawarkan.

Hasil daripada lawatan dan penilaian teliti lagi terperinci, mereka akhirnya memilih sistem perisian

Tranman dari UK.

Paling menarik ialah vendor bukan sahaja pembekal sistem itu malahan juga sebuah syarikat pengurus fleet sekali gus memiliki rangkaian pelanggan berjumlah lebih 500 dari serata dunia.

Dengan pengalaman luas dan rekod yang dimiliki, pengurusan yakin pembekal dapat membantu mempertingkatkan tahap servis melalui persediaan penyelesaian yang terbaik dalam pasaran.

Modul Sistem


Selain dapat memperbaiki tahap kecekapan, sistem maklumat pengurusan fleet terbaru kini lebih menumpu kepada perkhidmatan.

“Berbanding pelanggan yang lain, proses yang terdapat di SPANCO adalah jauh lebih mendalam, justeru benar-benar menguji sistem yang kami bekalkan.”

Dave Brookes
Perunding Kanan Sistem

Ini terbukti dengan modul yang wujud secara bersepadu seperti pengurusan pesanan kenderaan, maklumat kenderaan, pengguna dan pemandu, pelupusan dan penamatan, program penggantian serta pengurusan acara.

Di samping itu modul pengurusan dan kawalan woksyp, pusat servis diiktiraf (PSD), inventori alat ganti, kemalangan, saman serta pembilan



MUDAH & MESRA...

Modul pengurusan dan kawalan woksyp menyenaraikan sejarah penyenggaraan dan pembaikan secara terperinci.

dan invoice juga turut diintegrasikan sepenuhnya.

Sejak dilantik pada tahun lalu, pembekal telah meluankan banyak masa dan tenaga bagi memastikan setiap pengubahsuaian serta keperluan dipenuhi.

Perunding Kanan Sistem, **Dave Brookes** berkata: “Berbanding pelanggan yang lain, proses yang terdapat di SPANCO adalah lebih mendalam, justeru benar-benar menguji sistem yang kami bekalkan.”

Dalam menyiapkan sistem itu di sini, beliau turut mengakui, syarikat beliau juga banyak mempelajari daripada SPANCO.

Kenyataan itu merupakan satu pengiktirafan bukan sahaja buat SPANCO tetapi juga negara kerana terbukti produk Malaysia mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Perancangan terdekat

Usaha mempertingkatkan lagi sistem

maklumat pengurusan fleet tidak terhenti di situ sahaja.

Antara pelaksanaan dalam masa terdekat ialah memperkenalkan pembantu digital peribadi (PDA) bagi melicinkan tugas.

SPANCO juga akan menghubungkan setiap PSD di seluruh negara kepada sistem yang baru itu.

Turut dalam perancangan ialah menghubungkan kementerian dan pembekal melalui sistem itu bagi tujuan mengurangkan lagi tempoh pembekalan dan penyerahan kereta.

“Sebagai Pengurus Fleet Profesional yang ulung di Malaysia, kami fokus untuk memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi dalam menguruskan perniagaan secara lebih berkesan,” jelas Dato’ Hamzah.

SPANCO komited untuk memberikan yang terbaik dalam pengurusan fleet melalui pelaburan infrastruktur yang berterusan demi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan.

Jabatan Teknikal

Kumpulkan 50 Tahun Pengalaman



HEBAT, RAMA & KUNA... Tiga rakan sekerja yang memainkan peranan dalam memastikan mutu dan prestasi kereta SPANCO sentiasa terjamin.

MENGENAL pasti kerosakan, menyiasat kes yang berulang dan menyediakan maklumat dan laporan teknikal adalah antara beberapa tugas yang dilaksanakan oleh Jabatan Teknikal di SPANCO Sdn Bhd.

Berbekalkan 50 tahun pengalaman terkumpul yang dimiliki tiga ahlinya, Jabatan Teknikal bertanggungjawab terhadap segala urusan yang berkaitan teknikal untuk servis secara keseluruhan.

Peranan utama yang dimainkan adalah:

Menerajui ISO

Jabatan Teknikal memastikan setiap peraturan Organisasi Piawaian Antarabangsa, ISO dipatuhi dari segi dokumentasi, pelaksanaan, audit dan penyenggaraan.

Kualiti kerja, alat ganti dan peralatan

Memastikan kualiti setiap kerja penyenggaraan dan pembaikan, selain alat ganti dan peralatan di Pusat Servis Wilayah mematuhi piawaian SPANCO.

Jaminan pengeluaran

Menguruskan penyenggaraan dan pembaikan di bawah jaminan

Fungsi:

- Menerajui ISO
- Mengawal kualiti
- Menguruskan jaminan pengeluaran
- Menganjurkan latihan teknikal
- Mengendalikan taklimat penjagaan kereta
- Menyebarkan maklumat dan buletin

pengeluar seperti mengisi borang yang berkenaan dan membawa kereta sama ada ke pusat servis Proton Edar ataupun EON.

Latihan dalaman

Menganjurkan latihan setiap bulan secara berjadual mengikut modul yang ditetapkan bagi meningkatkan kemahiran rakan sekerja teknikal. Perkembangan teknologi automotif terkini juga dimaklumkan di dalam kelas.

Taklimat penyenggaraan

Menyampaikan taklimat teknikal dan penyenggaraan kereta kepada pelanggan sama ada semasa lawatan kerja mahupun atas jemputan.

Buletin teknikal

Menghebahkan maklumat teknikal terkini kepada ketua-ketua jabatan

dan rakan-rakan sekerja melalui buletin, pekeliling atau secara lisan.

Selain itu, Jabatan Teknikal turut menyelesaikan kes-kes kerosakan yang tidak dapat ditangani oleh mekanik di pusat servis wilayah di Batu Caves dan Bangi.

Mereka ada kalanya perlu pergi berjumpa pelanggan untuk melihat sendiri masalah yang membabitkan kenderaan kementerian.

50 tahun pengalaman

Jabatan Teknikal terdiri daripada rakan sekerja yang mahir dan berpengalaman luas dalam selok-belok penyenggaraan dan pembaikan kenderaan. Secara keseluruhan, jabatan mengumpulkan 50 tahun pengalaman terkumpul dalam bidang tersebut.

Ia diletakkan di bawah Kawalan Senggaraan (MC) dan dipimpin oleh Eksekutif Teknikal, Encik Hebat Azali Mat Jalid, 37 tahun.

Berasal dari Perak, Hebat amat dikenali di kalangan pelanggan. Beliau sering menyampaikan ceramah di majlis-majlis taklimat penjagaan kereta anjuran SPANCO dan Kerajaan Persekutuan.

Hebat membabitkan diri dalam bidang automotif lebih 10 tahun lalu dan pernah berkhidmat di *Tractors Malaysia Training Centre* sebelum menyertai SPANCO pada 2000. Beliau mempunyai *Diploma in Automotive* dari City n Guild dan sijil Majlis Latihan Vokasional

Cabaran buat jabatan kini ialah untuk sentiasa berada di hadapan dalam ilmu kejuruteraan teknologi automotif.

Kebangsaan (MLVK) Tahap 3.

Selain Hebat, jabatan turut dianggotai oleh dua orang pembantu teknikal iaitu Kunasakaran a/l Arumugamy, 41 tahun dan Rama Kumar

osakan pada kenderaan terutama yang berkaitan dengan enjin, transmisi, pendawaian dan lain-lain lagi.

Beliau banyak mengikuti pelbagai kursus membaiki kereta dan merupakan pemegang sijil MLVK Tahap I.

Manakala Rama pula mempunyai 20 tahun pengalaman dan pernah berkhidmat di syarikat Honda sebelum menyertai SPANCO pada 1994. Beliau memperoleh diploma dalam bidang automotif dari India.

Rama melaksanakan segala urusan pemfailan dan penyenggaraan maklumat yang bersangkutan kawalan mutu serta mahir dalam menyediakan data untuk mengenal pasti kerosakan dan meningkatkan kualiti kenderaan.

Menyumbang

Walaupun hanya dianggotai oleh tiga rakan sekerja sahaja, namun Jabatan Teknikal memainkan peranan penting dalam memastikan mutu dan prestasi kereta SPANCO sentiasa pada tahap terbaik.

Cabaran buat jabatan kini ialah untuk sentiasa berada di hadapan dalam ilmu kejuruteraan teknologi automotif yang sentiasa

berkembang pesat lagi maju.

Justeru, setiap kali menggunakan kereta SPANCO, maka ingatlah kepada Hebat, Kuna dan Rama. Mereka bertiga bersama rakan sekerja yang lain, turut menyumbang ke arah keselesaan dan keperluan pelanggan.



JAGALAH KERETA ANDA... Hebat sedang menerangkan aspek penjagaan kereta kepada kakitangan Kerajaan.

a/l A.M. Authikesavelu, 42 tahun.

Kunasakaran atau Kuna mula berkecimpung di dalam bidang automotif sejak 1985 dan berpengalaman membaiki kereta Proton sejak model pertama, Saga dikeluarkan.

Beliau pakar dalam mengesan ker-

Cuci Kereta Anda Seperti **Seorang 'Pro'**

Anda mengabaikan kebersihan kereta? Pelajari tip mudah berikut untuk mendapatkan hasil yang memuaskan

“LEBIH kerap anda membersihkan kereta anda, maka makin mudah dan makin sedikit masa yang diperlukan,”

**kata seorang Penasihat Servis
SPANCO kepada majalah PRIHATIN.**



BERSERI... Kebersihan kereta perlu dijaga untuk melindungi pelaburan dalam kereta anda.

“Seandainya kami dapat menunjukkan satu cara yang dapat memberi faedah jangka panjang kepada keseluruhan hayat sebuah kereta, maka ia adalah dengan menjaga permukaannya – cermin, trim, cat dan tayar supaya sentiasa bersih,” tambahnya.

Bagaimanapun anda mungkin terlalu sibuk sehingga lupa dan mengabaikan kebersihan kereta anda untuk sekian lama. Namun masih

tidak terlewat untuk mengubahnya!

Paling mudah ialah dengan menghantar kereta anda ke pusat cucian profesional yang boleh membersihkan bahagian luar dan dalam, mensyampu kusyen, menggilap dan lain-lain lagi.

Tetapi jika mahu berjimat, adalah lebih berbaloi untuk mempelajari cara membasuh sendiri supaya kereta anda sentiasa kelihatan bersih dan bersinar. Anda tentu akan lebih berpuas hati dengan keputusannya.

Langkah 1 mulakan dengan betul

- Sediakan air, kain, berus atau span lembut yang bersih dan cecair pencuci.
- Jangan gunakan pembasuh pinggan atau lantai kerana ia mengandungi bahan yang tidak sesuai dan boleh menanggalkan wax serta merosakkan permukaan cat.
- Periksa manual untuk kereta yang mempunyai kemas unik pada permukaan cat atau aksesori yang perlukan perhatian khusus.

Langkah 2 cuci dari atas

- Letak kereta anda di tempat yang redup bagi mengelakkan kesan tompok dan garisan yang tidak diingini.
- Mulakan basuhan dari bahagian atas dan terus ke bahagian bawah bagi mengelakkan calar.
- Basuh satu bahagian pada satu masa.
- Sentiasa bilas span bagi mengurangkan kemungkinan bahan cemar dari berkumpul pada span yang boleh mencairkan.
- Selepas bilasan terakhir, lap

air yang berlebihan dari permukaan kereta untuk mengelakkan tompokan.

- Gunakan tuala lembut atau *chamois* berkualiti tinggi dan sapu dengan lembut untuk mengeringkan air.
- Bilas bersih bampar hadapan dan celah rim tayar di mana pasir dan garam terkumpul. Gunakan hos air bertekanan tinggi bagi langkah tambahan ini.

Pengurusan Fleet Profesional SPANCO tidak ketinggalan mengamalkan kaedah yang mesra alam apabila melakukan semua jenis tugas di kedua-dua pusat servis wilayahnya di Batu Caves dan Bangi.

Tambahan lagi, setiap kenderaan yang meninggalkan premis akan dicuci dan divakum bersih bagi menampilkan lagi sifat keprihatinan kami kepada pelanggan.

*Mulakan
basuhan dari
bahagian
atas dan
terus ke
bahagian
bawah bagi
mengelakkan
calar.*

Langkah 3 bertimbang rasa terhadap alam sekitar

- Lokasi terbaik untuk mencuci kereta adalah tempat layan diri supaya air boleh dikitarkan semula atau dihantar ke loji rawatan kumbahan.
- Sekiranya di rumah, lakukan di permukaan berumput atau berbatu kerikil di mana air akan diserap dan terdapat kesan penapisan.

Panduan asas membasuh kereta:

- Mulakan dengan membilas seluruh kereta untuk menanggalkan kotoran longgar.
- Basuh dan bilas satu bahagian pada satu masa untuk mengelakkan permukaan menjadi kering terlalu cepat sebelum dapat dibilas.
- Mulakan dari atas ke bawah supaya kotoran tidak mudah terkumpul pada span.
- Gosok permukaan kereta dengan lembut. Gosokan yang terlalu kuat akan menyebabkan kotoran mencairkan permukaan.
- Bilas span dengan kerap untuk mengelakkan kotoran yang terkumpul mencairkan permukaan kereta.
- Gunakan banyak air bilasan untuk menghilangkan kotoran.
- Gunakan span atau berus yang berlainan untuk membasuh tayar.

Memahami Tolok Papan Pemuka Kereta

METER kelajuan dan penunjuk bahan api adalah antara tolok yang lazim dipamerkan pada papan pemuka kereta, selain suhu, takometer, penunjuk tekanan minyak pelincir dan sistem pengecasan.

Sekiranya kereta anda tidak mempunyai, maka setidak-tidaknya terdapat lampu amaran bagi setiap fungsi itu.



Meter Kelajuan

Ia adalah penyukat paling berguna yang memberitahu pemandu berapa laju kereta sedang bergerak.

Lazimnya digerakkan oleh kabel yang berputar dalam tiub yang mudah lentur, di mana satu hujung kabel bersambung pada meter dan yang satu lagi pada gear penyukat di dalam transmisi.

Namun begitu, kebanyakan kenderaan kini tidak lagi menggunakan kabel tetapi sebaliknya

pengesan elektronik untuk mengukur kelajuan tayar.

Isyarat kemudian dihantar kepada meter kelajuan yang turut digerakkan secara elektronik dan seterusnya bacaan dipamerkan dalam bentuk digital.

Enjin boleh rosak dengan mudah jika bergerak tanpa tekanan minyak walaupun sekejap.

Tolok yang biasa terdapat dalam kereta penumpang:

- Meter kelajuan
- Takometer
- Bahan api
- Suhu

Kejituan meter dipengaruhi oleh saiz tayar. Sekiranya tayar yang lebih besar digunakan, meter akan memberikan bacaan yang lebih rendah daripada kelajuan sebenar.

Bagi kereta lama, bacaan yang kurang tepat mungkin disebabkan oleh ketidaksesuaian gear penyukat kelajuan pada transmisi. Kadangkala ia boleh berlaku selepas menggantikan transmisi yang telah rosak.

Dengan meter kelajuan elektronik pula, komputer mempunyai penentu ukuran dan perlu dilaraskan untuk saiz tayar yang berbeza.



Tolok Bahan Api

Tolok bahan api pada papan pemuka memberitahu pemandu berapa banyak minyak yang ada di dalam tangki.

Meter yang dipaparkan lazimnya berkurangan pada kadar yang tidak serupa bagi julat penuh, separuh dan kosong.

Misalnya semasa tangki penuh, meter akan turun lebih perlahan berbanding apabila tangki separuh atau hampir kosong. Meter akan turun paling cepat semasa suku terakhir tangki.

Sebenarnya ia adalah perkara biasa kerana tolok bahan api direka sedemikian rupa.

Kapasiti tangki bahan api kereta ada dinyatakan dalam buku manual. Selalunya masih terdapat 1-2 gelen lagi yang tinggal di dalam tangki sebaik sahaja bacaan meter mencecah paras kosong.

Jangan biarkan tahap minyak di dalam tangki terlalu rendah kerana keadaan itu mendedahkan pam yang terdapat di bahagian bawah tangki. Pam bahan api ditenggelami dan disejukkan oleh minyak di dalam tangki.

Sekiranya tahap bahan api terlalu rendah dan tidak menutupi pam, pam akan menjadi lebih panas daripada biasa. Jika kerap berlaku, hayat pam boleh dipendekkan dan lambat laun akan rosak.



Tolok Suhu

Ia mengukur suhu bahan penyejuk enjin. Namun kebanyakan tolok suhu hanya menunjukkan suhu pada tahap sejuk, panas atau panas terlampau tanpa memberikan bacaan sebenar.

Pemandu perlu kerap memantau tolok suhu. Periksa sistem penyejuk secepat mungkin jika menunjukkan bacaan yang lebih panas daripada biasa.

Sekiranya meter terus bergerak ke bahagian 'panas', atau sekiranya lampu amaran suhu menyala, bermakna enjin kereta anda terlalu panas! Berhenti di tempat selamat dan segera matikan enjin.

Enjin yang terlalu panas boleh menyebabkan kerosakan yang teruk!



Takometer

Ia mengukur kelajuan pusingan enjin dalam RPM (*revolutions per minute* atau pusingan seminit).

Maklumat itu penting pada kereta manual untuk mengubah gear pada tahap RPM yang optimum bagi penggunaan bahan api yang menjimatkan atau mendapatkan kelajuan yang terbaik.

Jangan sekali-kali memandu terlalu laju hingga jarum takometer melepasi zon merah kerana ia boleh menyebabkan kerosakan teruk pada enjin.

Bagaimanapun sesetengah enjin dilindungi daripada kejadian itu oleh unit komputer yang mematikan enjin secara automatik.




Meter Tekanan Minyak

Ia mengukur tekanan minyak pelincir. Tekanan minyak adalah sama penting kepada enjin umpama tekanan darah kepada manusia.

Kebanyakan kereta mempunyai penunjuk yang akan menyala apabila tekanan minyak terlalu rendah. Jika menyala semasa anda sedang meman-

du, hentikan kereta di tempat selamat secepat mungkin dan matikan enjin.

Kemudian, periksa tahap minyak dan tambah jika perlu. Enjin boleh rosak dengan mudah jika bergerak tanpa tekanan minyak walaupun sekejap.



Tolok Sistem Pengecasan

Sistem pengecasan membekalkan cas elektrik kepada kereta anda. Tanpanya, bateri akan kehabisan kuasa dan enjin akan mati.

Tolok sistem pengecasan atau lampu amaran memantau keadaan sistem itu supaya pemandu mendapat amaran tentang sesuatu masalah sebelum kereta tersangkut.

Sekiranya terdapat masalah dalam sistem itu, anda masih boleh memandu untuk jarak yang dekat bagi mendapatkan bantuan. Tidak seperti masalah tekanan minyak ataupun suhu yang boleh menyebabkan kerosakan enjin yang serius sekiranya anda meneruskan pemanduan.

Lampu amaran sistem pengecasan hanya memberi amaran secara am. Namun terdapat banyak masalah berhubung pengecasan yang tidak akan dapat dikesan.

Jika menyala semasa anda sedang memandu, selalunya bermakna sistem pengecasan tidak berfungsi langsung. Sebab utama lazimnya adalah kerana tali sawat alternator yang putus.

Maklumat lanjut mengenai meter pada papan pemuka kereta anda ada terdapat dalam buku manual.

Jenis Dan Faedah Kad Petrol

MENYIMPAN semua resit dan mengisi borang untuk menuntut semula perbelanjaan yang digunakan bagi bahan api memakan masa untuk pemandu selain melibatkan kos kepada organisasi.

Bagi memudahkannya, kad petrol adalah kad magnetik yang membolehkan pembayaran petrol dibuat dan direkodkan secara elektronik.

Secara amnya terdapat tiga jenis iaitu kad nasional, kad antarabangsa dan kad pra-caj. Jenis kad yang dipilih bergantung kepada keperluan.

Kad petrol nasional

Kad ini boleh digunakan di dalam negara sahaja dan biasanya digunakan hanya untuk membeli minyak petrol atau diesel.

Jumlah perbelanjaan dan jenis minyak yang dibenarkan boleh ditetapkan terlebih dahulu. Kad juga boleh disekat sekiranya dicuri.

Kad petrol antarabangsa

Kad ini boleh digunakan sama ada di dalam mahupun di luar negara serta menawarkan fungsi yang lebih pelbagai.

Selain mengisi petrol, ia kadangkala membolehkan pemilik membayar caj tol, membeli aksesori serta produk dan perkhidmatan yang ada di stesen minyak.

Kad antarabangsa menawarkan ciri keselamatan yang sama seperti kad nasional dan boleh disekat jika perlu.

Kad petrol pra-caj

Terdapat kad yang disediakan oleh sesetengah syarikat minyak dengan had kredit dan jumlah liter petrol yang dibenarkan. Organisasi lazimnya menawarkan kad ini sebagai insentif kepada pekerja sementara.

Kad petrol boleh diprogramkan untuk memberi amaran jika transaksi luar biasa berlaku

Satu pembekal atau kad pelbagai rangkaian?

Kebanyakan kad petrol terikat kepada sesebuah pembekal minyak tertentu sahaja iaitu syarikat-syarikat minyak yang memiliki pasaran luas.

Bagaimanapun, jika memilih kad petrol daripada satu pembekal, saiz rangkaian stesen minyak yang beroperasi di bawah jenama tersebut adalah penting.

Sekiranya rangkaian tidak banyak, terdapat kos tambahan kerana kenderaan perlu bergerak lebih jauh untuk mendapatkan petrol.

Kos itu melibatkan petrol dan sewa tambahan untuk jarak dan masa yang lebih serta kakitangan yang perlu dibayar untuk pergi mengisi petrol.

Justeru kad pelbagai rangkaian adalah pilihan yang lebih sesuai kerana petrol boleh diisi di mana-mana stesen minyak yang terdekat.

Kawalan dan laporan

Tahap kawalan yang dikehendaki menentukan jenis data yang perlu didaftarkan secara tepat sebelum mengisi minyak seperti jumlah kilometer, jenis kenderaan dan rujukan pemandu.

Invois bulanan yang diterima adalah menyeluruh dan terperinci seperti:

- jumlah perbelanjaan
- berapa kali kad digunakan
- lokasi minyak diisi
- masa
- purata jumlah liter yang diisi
- kos setiap kilometer
- opsyen untuk pengecualian cukai (jika ada)

Maklumat itu boleh dimanfaatkan untuk mengurus fleet dengan lebih cekap selain kad turut boleh disesuaikan untuk mengesan penipuan dan penyalahgunaan.

Kad petrol boleh diprogramkan untuk memberi amaran jika transaksi luar biasa berlaku sementara kriteria seperti kapasiti tangki, purata penggunaan minyak, bacaan kilometer, hari dan tempoh penggunaan boleh ditetapkan terlebih dahulu.

Mengawal kerugian akibat penyalahgunaan adalah antara cara berkesan dalam menguruskan kos bahan api. Organisasi boleh menjimatkan 5-10% melalui penggunaan kad petrol dan pelaksanaan kawalan yang bijak.



Mengesan Pemandu Mabuk

BAYANGKAN anda dalam perjalanan pulang dan anda nampak seseorang memandu dengan cara yang berbahaya. Apakah yang anda perlu lakukan?

Fikirkanlah tentang tindak balas anda sekiranya berada dalam situasi demikian. Berikut adalah beberapa tanda kemungkinan pemandu mabuk serta tip tentang apa yang patut dan tidak patut dilakukan.

Sebaik sahaja anda melihat seseorang memandu dengan cara berbahaya dan disyaki mabuk, segera cari tempat di mana anda boleh membuat panggilan kecemasan.

Tip-tip berikut boleh membantu anda dan orang awam lain selamat!

| Tanda-tanda kemungkinan pemandu mabuk: | Tindakan yang perlu diambil: | Tindakan yang perlu dijaui: |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Memandu di tengah-tengah jalan raya • Mengambil pusingan besar • Memandu dari tepi ke tepi • Memandu arah yang salah atau di atas bahu jalan • Memandu sangat perlahan • Mengikut kereta lain terlalu rapat • Memotong kereta atau objek lain terlalu hampir • Membrek secara tiba-tiba • Memandu tanpa memasang lampu • Memberi isyarat yang salah • Berhenti di tempat yang tidak sepatutnya seperti semasa lampu hijau atau di tempat melintas yang tiada pejalan kaki | <ul style="list-style-type: none"> • Jauhkan diri daripada pemandu yang dicurigai mabuk • Jangan berada di hadapan kenderaan mereka • Pastikan setiap penumpang memakai tali pinggang keledar, sebagai perlindungan terbaik daripada pemandu mabuk • Berhenti serta-merta dan cari telefon • Laporkan tentang pemandu yang dicurigai mabuk kepada polis di 999 • Berikan lokasi, arah perjalanan, dan keterangan mengenai kereta dan perilaku pemandu | <ul style="list-style-type: none"> • Jangan cuba memotong kereta tersebut! • Jangan cuba memberhentikan kereta tersebut • Jangan mengikut terlalu rapat. Kereta itu mungkin akan berhenti secara tiba-tiba • Jangan cuba memberkas atau berhadapan dengan pemandu tersebut. Panggil polis dan biarkan mereka yang mengendalikannya! |

Sekiranya setiap orang membuat komitmen untuk memberi maklumat dan melaporkan kejadian mabuk itu, ia seolah-olah sebagai 'mata' tambahan kepada pihak berkuasa.

Justeru, sama-samalah kita bekerjasama menangani pemandu mabuk!



**Mencelah-celah
di jalan raya tidak
menjimatkan masa.
Ia membazirkan
nyawa.**



**Jangan Mencelah-celah. Ikut Lorong Anda.
Anda Mampu Mengubahnya.**